

## Transformasi kemiskinan bandar melalui intervensi komuniti secara holistik: kajian kes projek MASA@Sungai Nibong

### *[Transformation of urban poor through holistic community-based intervention: the case of MASA@Sungai Nibong project]*

Mohd Sadiq Mohd Mokhtar, Shereeza Mohamed Saniff<sup>1\*</sup> & Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor

<sup>1</sup> Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang.

\*Corresponding email: [shereeza@usm.my](mailto:shereeza@usm.my)

#### ARTICLE INFO

Revised Date: 25 August 2025

Accepted Date: 6 September 2025

Published Date: 26 September 2025

#### Kata Kunci:

Kemiskinan Bandar,  
Pembangunan Insaniah,  
Berfokuskan Keluarga, Komuniti  
Mampuan, Menangani Kemiskinan,  
SDG 1

#### Keywords:

*Urban Poverty, Humanistic  
Development, Family-focused,  
Sustainable Communities,  
Poverty Alleviation, SDG 1*

### Abstrak

Kajian ini meneliti pelaksanaan dan impak Projek MASA@Sungai Nibong sebagai satu usaha memperkasakan komuniti miskin bandar atau asnaf (fakir dan miskin) melalui pendekatan intervensi berfasa, holistik dan berteraskan Islam. Bertitik tolak daripada prinsip pembangunan insaniah yang berasaskan nilai-nilai Islam dengan penekanan kepada tiga aspek utama iaitu pembangunan komuniti, tanggungjawab sosial Islam dan pemerksaan berasaskan kekeluargaan, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif asas untuk meneliti perkembangan ekonomi responden yang menghuni di sebuah pangsapuri wakaf di Pulau Pinang. Data yang dikumpul kemudian dianalisis menggunakan analisis kandungan. Empat tema utama dikenalpasti iaitu pemerksaan ekonomi secara holistik, inisiatif keusahawanan dengan pemantauan berkala yang kerap, pengurangan kebergantungan kepada bantuan, dan peranan strategik pasangan ketua isi rumah (PKIR) sebagai ejen ekonomi baharu. Dapatan menunjukkan peningkatan ketara dalam pendapatan isi rumah, penyertaan aktif wanita dalam keusahawanan, serta peralihan daripada kebergantungan bantuan kepada keupayaan sendiri. Kajian ini seterusnya merumuskan Model Transformasi Asnaf Holistik (MOD.T.A.H) yang merangkumi lima komponen utama iaitu pemilihan sasaran strategik, intervensi menyeluruh yang diubah suai mengikut keperluan individu, pendekatan kekeluargaan dan komuniti, akses kepada peluang ekonomi dan bimbingan berterusan secara empati. Model ini berpotensi menjadi kerangka rujukan dalam usaha pengurusan kemiskinan bandar berteraskan Islam secara bersepadu dan lestari berpaksikan institusi zakat dan wakaf sedia ada.

### Abstract

This study explores the implementation and impact of Projek MASA@Sungai Nibong, an initiative designed to empower urban poor community (or asnaf – poor and destitute) through a phased interventional, holistic, and Islamic-based approach. Anchored on the principles of humanistic development, with focus on three key aspects, community development, Islamic social responsibility, and family-centred empowerment, this study employed a basic qualitative method to examine the economic development of respondents residing in a waqf apartment in Pulau Pinang. The data collected was then analysed using content analysis. Four key themes emerged: holistic socioeconomic empowerment, frequent periodic monitoring of entrepreneurial initiatives, reduced dependency on zakat aid, and the strategic role of household spouses (PKIR) as new economic agents. The findings indicate a significant improvement in household income, increased entrepreneurial engagement among women, and a shift from welfare-dependence to self-sufficiency. The study culminates in the formulation of the Holistic Asnaf Transformation Model (MOD.T.A.H), which outlines five main components: strategic targeting, holistic-yet-customised intervention, family-community synergy, access to economic opportunities, and frequent follow-up with empathetic guidance. MOD.T.A.H offers a scalable framework for Islamic-based poverty management in urban contexts and proposes integration with existing zakat and waqf institutions to ensure sustainable and inclusive socioeconomic transformation.

## Pengenalan

Kemiskinan bandar merupakan salah satu cabaran utama dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia terutamanya dalam kalangan kumpulan B40 yang berdepan dengan kos sara hidup yang tinggi, keterbatasan peluang pekerjaan dan ketidakpastian perumahan. Kewujudan rumah mampu milik yang sangat terhad di kawasan bandar menyumbang kepada pertambahan populasi miskin bandar termasuk golongan asnaf (fakir dan miskin) yang terus terperangkap dalam kitaran kebergantungan dan ketidakstabilan ekonomi (Khazanah Research Institute, 2023). Meskipun pelbagai bantuan telah diperkenalkan, sebahagian besar daripadanya bersifat sementara dan tidak mampu menghasilkan perubahan jangka panjang terhadap taraf kehidupan penerima. Antara bantuan yang bersifat sementara ini adalah model bantuan zakat tradisional (Majid et al., 2024).

Dalam konteks pembangunan Islam, zakat dilihat sebagai instrumen penting untuk membantu golongan memerlukan. Firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah, ayat 60:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ  
اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: "Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil zakat, orang-orang yang dilunakkan hatinya (mu'allaf), untuk memerdekakan hamba, orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan daripada Allah. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

(Surah At-Taubah, 9: 60)

Ayat ini menjadi asas kepada konsep pengagihan zakat yang bersifat adil, menyeluruh dan strategik termasuk ke arah membebaskan golongan asnaf daripada kemiskinan dan kebergantungan jangka panjang. Di samping itu, Nabi Muhammad SAW juga menegaskan kepentingan membantu sesama Muslim dalam sabdanya:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنَ الدُّنْيَا، نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى  
مُعْسِرٍ، يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا، سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَاللَّهُ فِي عَوْنِ  
الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ

"Barang siapa yang melepaskan satu kesusahan dunia daripada seorang Muslim, maka Allah akan melepaskan daripadanya satu kesusahan pada hari kiamat."

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2699)

Hadis ini memberi penekanan bahawa usaha mengangkat beban hidup orang lain adalah satu amalan yang amat mulia dan mendapat balasan yang besar di sisi Allah. Ia turut menggariskan keperluan pendekatan berasaskan kasih sayang, empati dan tanggungjawab sosial dalam mengurus kemiskinan.

Namun, keberkesanan agihan zakat tidak hanya bergantung kepada pemberian kewangan tetapi juga kepada reka bentuk intervensi yang berkesan, sistematik dan menyeluruh. Mekanisme pengagihan zakat pada waktu ini telah beralih daripada pendekatan yang bersifat kebajikan semata-mata kepada pendekatan yang merangkumi pelbagai aspek pembangunan insan. Pembangunan insan sebegini dapat membina kapasiti, memperkukuh nilai dan meningkatkan daya tahan hidup (Mohamad Zaki & Ab Rahman, 2019). Peralihan pengagihan daripada aspek kebajikan semata-mata ke aspek pembangunan menuntut satu bentuk intervensi berasaskan komuniti yang mampu memberikan impak kepada keperluan sebenar penerima bantuan dengan memberi tumpuan kepada bimbingan, <https://doi.org/10.37231/jimk.2025.26.2.937>

pemantauan dan sokongan yang berterusan.

Sebagai suatu respons terhadap cabaran ini, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) telah menjalankan Projek Makmal Sosio-Akademik di Pangsapuri Wakaf Siti & Hajjah Norijah Sungai Nibong Pulau Pinang. Projek ini dikenali dengan singkatan MASA@Sungai Nibong. Projek MASA@Sungai Nibong merupakan inisiatif pembangunan komuniti berasaskan nilai Islam yang memfokuskan kepada pemeraksanaan golongan asnaf bandar melalui pendekatan "makmal sosio-akademik". Projek ini beroperasi di pangsapuri kos rendah di atas tanah wakaf strategik di Pulau Pinang hasil kerjasama MAINPP, Zakat MAINPP, Wakaf MAINPP dan ISDEV USM. Keunikan projek ini terletak pada intervensi holistik yang menggabungkan pembangunan insaniah, peningkatan sosioekonomi, dan sokongan insani secara bersepadu. Ahli bukan sahaja menerima latihan kemahiran dan bantuan kewangan tetapi juga bimbingan berterusan melalui sesi individu berasaskan tarbiyah, pemeraksanaan nilai dan empati. Model pelaksanaan yang sistematik dan berfasa ini terbukti mampu memecahkan kitaran kemiskinan bandar dengan membina kekuatan dalaman, keyakinan diri dan kebersamaan komuniti. Kejayaan projek ini memperlihatkan potensinya untuk direplikasi sebagai model pembangunan komuniti Islam yang mampan di bandar-bandar lain di Malaysia.

### *Kemiskinan Bandar: Isu Tempatan dan Perspektif Global*

Kemiskinan bandar merupakan fenomena multidimensi yang semakin mendesak di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Kadar urbanisasi yang pesat, ketidakseimbangan pembangunan ekonomi serta kekangan dasar sosial telah mengakibatkan pertumbuhan golongan miskin bandar terpinggir daripada jaringan pembangunan arus perdana. Menurut laporan World Bank yang dikaji oleh Combes et al. (2022), populasi miskin tegar lebih tertumpu di bandar berbanding di luar bandar dan lebih 1 bilion manusia tinggal dalam kawasan setinggian atau perumahan tidak selamat di bandar. Golongan ini berhadapan dengan akses yang terhad kepada pekerjaan, pendidikan dan kesihatan asas. Situasi ini diburukkan lagi oleh jurang ketaksamaan yang semakin melebar akibat perubahan struktur pasaran buruh dan inflasi kos kehidupan (Ali & Asfaw, 2023; Kaiser et al., 2025; Lee & Han, 2024). Begitu juga kemiskinan di bandar iaitu kemiskinan sering berlaku bukan kerana tiada makanan atau barang keperluan di pasaran tetapi kerana golongan miskin tidak mempunyai pendapatan atau kuasa beli untuk mendapatkannya. Kenaikan kos sara hidup, kekurangan peluang pekerjaan dan ketidaktentuan perumahan di bandar boleh dianggap sebagai bentuk "entitlement deprivation" dalam konteks moden (Sen, 1981).

Di Malaysia, fenomena ini semakin ketara dalam kalangan kumpulan B40 dan asnaf bandar yang menetap di kawasan perumahan kos rendah yang pada kebiasaannya dalam keadaan yang sesak dan tidak kondusif. Kajian oleh Nor Azrul dan Noordeyana (2018) dan Wan Abd Aziz et al. (2011) menunjukkan bahawa kemiskinan bandar di Malaysia bukan sahaja melibatkan kekurangan pendapatan tetapi juga berkait rapat dengan masalah kesihatan, pendidikan rendah, kekurangan kemahiran dan isolasi sosial. Ini turut dibuktikan oleh Nasib et al. (2023) yang mendapati kadar kemurungan dalam kalangan miskin bandar di Malaysia mencapai antara 23.9% hingga 57.8% iaitu jauh lebih tinggi berbanding purata kebangsaan.

Kajian Jasni et al. (2021) menunjukkan bahawa faktor seperti kehilangan pekerjaan, status pekerjaan tidak tetap, tekanan hidup dan masalah perumahan menyumbang kepada tekanan psikososial yang ketara. Permasalahan semakin meruncing apabila kajian Nasib et al. (2023) mendapati terdapat kekurangan peruntukan terhadap kesihatan mental iaitu hanya pada kadar 1.3% daripada bajet kesihatan di Malaysia. Pendedahan ini memperlihatkan bahawa sistem sokongan sosial dan pengurusan kesihatan mental belum cukup mantap untuk mendepani cabaran kemiskinan bandar secara menyeluruh. Faktor luaran dan dalaman ini juga turut dinyatakan oleh S. Gopal et al. (2021) iaitu kemiskinan ialah fenomena yang dialami tanpa kerelaan, meliputi dua kategori utama: kemiskinan material (pendapatan, pendidikan, kesihatan, pekerjaan, kemudahan awam) dan kemiskinan bukan material (emosi, psikologi, rohani). Keadaan ini menyukarkan individu keluar daripada kemiskinan tanpa intervensi pihak bertanggungjawab.

Dari perspektif antarabangsa pula pelbagai negara telah melaksanakan intervensi berasaskan

komuniti bagi menangani isu ini. Antaranya ialah Slum Upgrading Programmes di Kenya, Favela Urban Integration Projects di Brazil, dan SEWA (Self-Employed Women's Association) di India. Kesemua program ini berkongsi ciri utama iaitu pembangunan modal insan, kerjasama komuniti serta sokongan berterusan secara holistik dan inklusif (Miyamoto & Buckman, 2022; UN-Habitat, 2007). Pendekatan ini telah terbukti mampu membawa perubahan sosioekonomi yang lebih mampan berbanding bantuan sekali beri (one-off assistance). Bagi Malaysia, pendekatan serupa dapat dilihat dalam inisiatif ZPEU (Zon Pembangunan Ekonomi Ummah) oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan program pembangunan asnaf oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) yang menggabungkan pendidikan kemahiran, keusahawanan dan bimbingan spiritual atau (kerohanian) serta psikososial (Majid et al., 2024; Sulong et al., 2025). Haq (1976) dalam karyanya *The Poverty Curtain: Choices for the Third World* turut menegaskan bahawa objektif pembangunan masyarakat perlu disusun semula dengan menitikberatkan pengurangan ketidaksamaan dan kemiskinan serta meningkatkan akses kepada keperluan asas, berbanding hanya menumpukan kepada pertumbuhan ekonomi semata-mata.

Justeru, isu kemiskinan bandar tidak wajar dilihat dari sudut ekonomi semata-mata. Ia menuntut pendekatan bersifat multidimensi dan berasaskan komuniti yang menekankan bukan sahaja bantuan kewangan tetapi juga pembangunan sendiri, sokongan emosi, pendidikan nilai dan sistem pemantauan berterusan. Dalam konteks ini, Projek MASA@Sungai Nibong adalah satu bentuk intervensi berteraskan komuniti yang perlu dikaji keberkesanannya bagi menghasilkan model pemeraksanaan yang lebih lestari dan bersifat holistik.

#### *Pemeraksanaan Asnaf: Pendekatan Holistik dan Perspektif Islam*

Dalam konteks pembangunan komuniti Islam, pemeraksanaan atau *tamkin* adalah proses transformasi yang bukan sekadar meningkatkan taraf ekonomi tetapi membina kekuatan rohani, sosial dan emosi (Mohd Shukri Hanapi & Suhaimy, 2020). Konsep ini selari dengan falsafah *tarbiyyah* iaitu proses pembinaan individu yang seimbang dari segi dalaman dan luaran (Muhamad & Jaafar, 2021). Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* menegaskan bahawa masyarakat maju dan bertamadun adalah hasil daripada individu manusia yang bebas daripada ketergantungan iaitu pencapaian yang melebihi dari keperluan asasi kehidupan sehingga membuka jalan ke arah inovasi dan mempunyai nilai-nilai seni (Abidin, 2009; Ayub, 2013).

Program pembangunan komuniti asnaf seperti yang dijalankan oleh MAINJ dan LZNK menekankan intervensi berasaskan komuniti dengan bimbingan berterusan dan sokongan spiritual. Model pembangunan IPO-M (Input–Process–Output–Maklum balas) oleh MAINJ contohnya, menyusun strategi pelaksanaan zakat bukan sekadar dalam bentuk bantuan kewangan tetapi juga latihan, pemantauan, sokongan psikososial dan pengukuhan spiritual secara konsisten (Sulong et al., 2025). Laporan LZNK berkenaan ZPEU pula menunjukkan bahawa penggabungan elemen teknologi moden (pertanian pintar), koperasi berasaskan komuniti dan latihan kemahiran memberikan impak besar kepada keberdayaan asnaf (Majid et al., 2024).

Kejayaan program ini bergantung kepada pemantauan yang berterusan, kehadiran murabbi komuniti dan penglibatan aktif semua agensi. Penelitian oleh Meerangani dan Hamid (2021) menyatakan bahawa keberkesanan zakat dalam membasmi kemiskinan bergantung kepada pelaksanaannya yang strategik dan bersifat transformasi. Pendekatan zakat produktif yang meletakkan penerima zakat sebagai pemilik kepada proses pembangunan mereka sendiri jauh lebih berkesan berbanding bantuan tunai berulang yang boleh mengekalkan kebergantungan. Kajian yang dijalankan oleh Majid et al. (2024), Meerangani & Hamid, (2021) dan Sulong et al. (2025) turut menekankan bahawa sistem zakat perlu melalui transformasi daripada pendekatan pasif kepada model zakat yang bersifat inklusif dan mesra komuniti. Intervensi seperti sesi kaunseling individu, pemantauan rumah ke rumah serta aktiviti kerohanian kolektif perlu menjadi sebahagian daripada program pembangunan. Tambahan pula konsep “menerima dan diterima” yang diterapkan dalam program MAINJ memperlihatkan nilai ta’awun (kerjasama) dan rahmah (kasih sayang) sebagai asas hubungan antara penggerak komuniti dan peserta program (Sulong et al., 2025). Hadirnya nilai insani ini menjadikan program lebih berkesan dalam menyantuni latar psikososial dan jiwa peserta.

Sehubungan itu, Projek MASA@Sungai Nibong yang menerapkan elemen pemantauan, sesi


one-to-one dan intervensi secara empatik berpotensi menjadi model penting yang memperlihatkan pendekatan zakat sebagai alat pembangunan dan bukan sekadar agihan.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan dokumen sebagai kaedah utama bagi menilai perubahan ekonomi dalam kalangan Ahli Projek MASA@Sungai Nibong. Pendekatan ini dipilih memandangkan sumber data tunggal kajian ini adalah berbentuk dokumen bertulis rasmi yang merekodkan perkembangan ekonomi Ahli MASA@Sungai Nibong sebagai peserta projek. Dokumen ini merupakan rekod dalaman yang disediakan oleh pihak pelaksana projek dan merangkumi maklumat berkaitan status pekerjaan, sumber pendapatan dan penglibatan peserta dalam aktiviti ekonomi dan juga yang bukan berbentuk perekonomian sepanjang penyertaan mereka dalam projek. Pendekatan ini membolehkan penyelidik meneliti secara sistematik pola perubahan sosio-ekonomi yang berlaku serta menilai keberkesanan intervensi komuniti terhadap pemeraksanaan asnaf bandar dari sudut sosio-ekonomi.

Pemilihan kaedah ini adalah bersesuaian dengan sifat data yang tidak berbentuk temu bual mahupun kuantitatif, sebaliknya terdiri daripada dokumen bercetak dan laporan naratif yang menyimpan maklumat perkembangan peserta. Analisis kandungan dokumen memberi kelebihan dalam meneliti teks, mengekod data yang bermakna, serta mengenal pasti tema-tema penting yang berkaitan dengan objektif kajian (Krippendorff, 2019). Melalui pendekatan ini, penyelidik dapat memahami makna tersirat di sebalik data perkembangan ekonomi dan menghubungkannya dengan konteks pelaksanaan intervensi Projek MASA@Sungai Nibong.

Lokasi kajian tertumpu di Pangsapuri Wakaf MASA@Sungai Nibong, Pulau Pinang. Kawasan ini merupakan tapak pelaksanaan Projek MASA@Sungai Nibong yang menempatkan komuniti asnaf bandar terpilih yang menerima manfaat daripada skim sewaan minima wakaf dan menyertai program intervensi menyeluruh. Tempoh masa pemerhatian adalah merangkumi tiga fasa bermula dari September 2020 sehingga Jun 2025. Tempoh fasa-fasa ini adalah seperti Rajah 1.



Rajah 1: Tiga Fasa Projek MASA@Sungai Nibong

Berdasarkan Rajah 1, bilangan peserta untuk ketiga-tiga fasa ini selama projek ini dijalankan tidak statik. Peserta yang dimaksudkan dalam kajian ini merupakan Ketua Isi Rumah (KIR) yang berjaya dipilih mengikuti Projek MASA@Sungai Nibong. Di akhir Fasa 3 terdapat seramai 17 KIR MASA@Sungai Nibong.


Bagi memastikan data yang diperoleh adalah sahih dan boleh dipercayai, kajian ini menggunakan pendekatan triangulasi dengan menggabungkan pelbagai sumber utama. Data lapangan dikumpulkan daripada 27 orang Ahli MASA@Sungai Nibong yang menjadi responden kajian, manakala maklumat sokongan pula diperoleh melalui rujukan kepada pihak berkaitan. Antara sumber penting termasuk Pegawai Seranta Projek MASA@Sungai Nibong yang bertanggungjawab terhadap

pemantauan langsung, pengesanan dinamika penyertaan KIR dan PKIR serta pelaporan perkembangan program secara berkala. Selain itu, Ketua Penyelidik Projek turut dirujuk bagi mendapatkan maklumat berkaitan hala tuju program, rekod penyertaan serta strategi pelaksanaan. Input tambahan turut disumbangkan oleh pensyarah ISDEV USM yang terlibat secara langsung dalam intervensi komuniti, melalui penilaian reflektif dan perkongsian pandangan tematik. Penggunaan pelbagai sumber ini membolehkan data kajian lebih komprehensif, di samping meningkatkan kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan.

Secara keseluruhannya, penggunaan kaedah analisis kandungan dokumen dan pemerhatian mendalam dalam kajian ini membolehkan penilaian yang berstruktur dan menyeluruh terhadap kesan pelaksanaan Projek MASA@Sungai Nibong terhadap transformasi ekonomi dalam kalangan Ahli. Dapatan daripada analisis ini dibentangkan dalam bahagian seterusnya, yang memberi tumpuan kepada tema-tema utama yang dikenal pasti serta perbincangan lanjut mengenai keberkesanan pendekatan intervensi yang telah dilaksanakan.


## Dapatan

Berdasarkan pendekatan metodologi yang telah digariskan, analisis data dalam bahagian ini memfokuskan kepada perubahan ketara yang berlaku dalam kalangan Ahli Projek MASA@Sungai Nibong khususnya dari sudut impak sosioekonomi. Ahli Projek MASA@Sungai Nibong seramai 27 orang merupakan responden kajian ini. Dapatan dianalisis secara tematik dan kuantitatif bagi mengenal pasti pola, peralihan serta keberkesanan intervensi terhadap kehidupan responden. Huraian berikut akan menelusuri perubahan pendapatan Ahli MASA@Sungai Nibong sebagai salah satu indikator utama transformasi ekonomi hasil penyertaan dalam program. Selain itu, dapatan kajian berkaitan penyertaan Ahli MASA@Sungai Nibong yang terdiri daripada Ketua Isi Rumah (KIR) dan Pasangan Ketua Isi Rumah (PKIR) turut memperlihatkan dinamika perubahan status keahlian merentasi tiga fasa pelaksanaan program. Perubahan ini digambarkan secara lebih terperinci melalui Rajah 2 yang memfokuskan kepada KIR dan Rajah 3 yang menekankan perkembangan PKIR.



Rajah 2: Maklumat Bilangan KIR MASA@Sungai Nibong menurut Fasa


Berdasarkan kepada Rajah 2, menunjukkan perkembangan penyertaan KIR MASA@Sungai Nibong merentasi tiga fasa program. Pada Fasa 1, program bermula dengan 13 KIR tanpa sebarang pertukaran. Perkara ini menunjukkan fasa pengenalan yang stabil. Fasa 2 pula menyaksikan pertambahan empat orang KIR baharu namun turut berlaku tiga orang KIR yang keluar daripada projek disebabkan pilihan sendiri (dua orang KIR) dan juga sebab disingkir daripada terus menyertai projek. Fasa 3 pula, terdapat penambahan lima orang KIR berikutan seorang KIR adalah KIR baharu manakala empat orang KIR lagi adalah disebabkan penukaran status PKIR kepada KIR berikutan kematian KIR (dua orang) dan perceraian (dua orang KIR). Fasa 3 ini merupakan fasa yang paling dinamik dan mencerminkan proses pemurnian keahlian. Fasa 3 ini juga menunjukkan jumlah KIR meningkat kepada 17 orang.



Rajah 3: Maklumat Bilangan PKIR MASA@Sungai Nibong menurut Fasa

Berdasarkan Rajah 3 pula, perkembangan penyertaan PKIR MASA@Sungai Nibong menunjukkan peningkatan yang konsisten merentasi tiga fasa program. Pada Fasa 1, program bermula dengan lapan orang PKIR tanpa sebarang perubahan, mencerminkan fasa pengenalan yang stabil. Fasa 2 pula mencatatkan bilangan PKIR seramai tujuh orang berikutan empat orang PKIR menyertai projek (bersama pasangan KIR masing-masing) namun lima orang PKIR dikategorikan sebagai keluar berikutan dua keadaan. Keadaan pertama disebabkan pertukaran status empat orang PKIR kepada KIR disebabkan sama ada kematian KIR (dua orang) ataupun disebabkan perceraian PKIR dengan KIR (dua orang) di mana KIR telah keluar daripada projek sedangkan PKIR kekal menyertai projek. Keadaan kedua pula berikutan seorang PKIR disingkir daripada menyertai projek (disebabkan KIR disingkirkan daripada terus menyertai projek). Perubahan-perubahan sebegini menjadikan Fasa 2 sebagai fasa yang paling dinamik dengan proses pemurnian keahlian. Fasa 3 memperlihatkan kedinamikan perubahan status kekeluargaan Ahli MASA@Sungai Nibong dari segi PKIR terus berlaku disebabkan pertumbuhan berterusan dengan bilangan PKIR seramai 10 orang. Pertambahan ini turut dipengaruhi oleh perubahan status sosial seperti perkahwinan empat orang KIR manakala pengurangan peserta pula melibatkan satu kes perceraian (terkeluar PKIR daripada projek). Secara keseluruhannya, data menunjukkan program berada dalam landasan yang positif dengan bilangan PKIR yang semakin stabil dan menyumbang kepada pemantapan institusi kekeluargaan dalam kalangan ahli.

Secara keseluruhannya, perkembangan KIR dan PKIR merentasi tiga fasa menunjukkan proses pemurnian keahlian yang stabil serta responsif terhadap perubahan status kekeluargaan. Hal ini menegaskan bahawa program bukan sahaja menekankan bilangan penyertaan tetapi juga pemantapan institusi keluarga dalam kalangan peserta.



Rajah 4: Maklumat Pendapatan KIR & PKIR MASA@Sungai Nibong Mengikut Fasa

Rajah 4 pula memaparkan perbandingan sumber pendapatan Ahli MASA@Sungai Nibong termasuk KIR dan PKIR mengikut tiga fasa pelaksanaan program iaitu Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3. Manakala sumber pendapatan dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu makan gaji, bekerja sendiri dan tiada pendapatan.

Pada Fasa 1, data menunjukkan bahawa 12 orang tiada pendapatan manakala hanya lima orang makan gaji dan empat orang bekerja sendiri. Bilangan tinggi dalam kategori tiada pendapatan bukan sekadar mencerminkan ketiadaan pekerjaan tetapi perlu difahami dalam konteks peralihan hidup besar-besaran yang dilalui oleh semua ahli terlibat. Ketika ini, kesemua Ahli MASA@Sungai Nibong baru sahaja dipindahkan ke perumahan baharu sekaligus menyebabkan mereka terpaksa memulakan semula kehidupan baik dari segi persekitaran fizikal, sosial mahupun ekonomi. Proses penyesuaian ini memberi impak langsung terhadap keupayaan mereka menjana pendapatan secara aktif. Maka, Fasa 1 bukan sekadar fasa permulaan projek, tetapi juga fasa krisis penempatan yang menuntut adaptasi menyeluruh.

Memasuki Fasa 2, berlaku lonjakan positif dalam penyertaan ekonomi. Bilangan makan gaji meningkat kepada 11 orang, dan mereka yang bekerja sendiri bertambah kepada tujuh orang. Sementara itu, hanya lima orang kekal dalam kategori tiada pendapatan. Peningkatan ini menandakan kejayaan awal intervensi program dalam mengaktifkan potensi tenaga kerja dan memperluas akses kepada sumber ekonomi. Intervensi bersifat bersepadu yang menekankan pembangunan spiritual, kekeluargaan dan keusahawanan mikro mula memperlihatkan hasil. Fasa ini menjadi titik perubahan kepada struktur sosioekonomi peserta dari komuniti pasif kepada komuniti yang lebih terlibat secara produktif.

Pada Fasa 3, perkembangan ini terus diperkukuh. 12 orang kini bekerja sendiri, menjadikan keusahawanan mikro sebagai sumber pendapatan dominan dalam kalangan Ahli MASA@Sungai Nibong. Sembilan orang masih makan gaji menunjukkan kadar pengekalan pekerjaan yang stabil. Enam orang masih tiada pendapatan namun tidak boleh disimpulkan sebagai kegagalan program. Sebaliknya, kesemua mereka tergolong dalam kes khas iaitu ada yang mengalami masalah kesihatan kronik dan tidak berdaya untuk bekerja manakala seorang KIR terpaksa menjaga anak yang menghidap penyakit kanser menyebabkan beliau perlu meninggalkan pekerjaan demi keutamaan keluarga. Keadaan ini menekankan bahawa tidak semua situasi ekonomi dapat ditangani dengan pendekatan intervensi konvensional tetapi memerlukan jaring sokongan khas berbentuk kebajikan dan penjagaan. Dari sudut pembangunan komuniti, perubahan struktur pendapatan ini menggambarkan mobiliti ekonomi menaik dalam kalangan majoriti ahli hasil daripada intervensi bertahap, inklusif dan holistik. Peningkatan bekerja sendiri juga mencerminkan kejayaan program dalam menanam nilai berdikari, keberanian mengambil inisiatif serta kesediaan mengurus ekonomi keluarga secara aktif. Pada masa yang sama, keprihatinan terhadap kes-kes khas menunjukkan bahawa program ini bersifat

berperikemanusiaan dan mengambil kira keragaman realiti hidup komuniti..

Secara keseluruhan, Rajah 4 ini mengesahkan bahawa Projek MASA@Sungai Nibong sedang bergerak ke arah transformasi sosioekonomi yang menyeluruh. Tidak hanya meningkatkan pendapatan tetapi turut membina daya tahan keluarga, kesedaran kewangan dan jaringan sokongan sesama komuniti. Gabungan antara angka dan naratif menjadikan dapatan ini bukan sekadar statistik tetapi juga cerminan kejayaan membina komuniti yang berdaya dan sejahtera.

## Perbincangan

Selain itu, analisis awal terhadap data rasmi pendapatan Ahli Projek MASA@Sungai Nibong juga membolehkan pengenalan empat tema utama yang mencerminkan kedinamikan realiti ekonomi komuniti miskin bandar. Ketiga-tiga kategori kumpulan berdasarkan sumber pendapatan iaitu bekerja makan gaji, bekerja sendiri dan tiada sumber pendapatan menjadi asas kepada pengkodan tema-tema yang lebih mendalam. Melalui pendekatan analisis kandungan kualitatif, tema-tema seperti pemerikasaan ekonomi yang holistik, inisiatif keusahawanan dengan jangka panjang, pengurangan kebergantungan kepada bantuan dan peranan PKIR sebagai ejen ekonomi baharu telah dapat dikenal pasti. Tema-tema yang wujud ini bukan sahaja membantu memahami tahap keberkesanan intervensi yang dijalankan malah memberi gambaran tentang cabaran, potensi serta keperluan sebenar dalam transformasi ekonomi Ahli. Justeru, perbincangan seterusnya mengupas secara naratif bagaimana perubahan sosioekonomi ini berlaku serta menjelaskan faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan atau kelembapan transformasi yang dialami oleh Ahli sepanjang pelaksanaan projek.

### *Pemerikasaan Ekonomi yang Holistik*

Secara keseluruhan, purata pendapatan bulanan bagi ahli yang makan gaji pada tahun 2025 adalah sebanyak RM1,400 sebulan melibatkan sembilan orang ahli. Daripada jumlah tersebut, tujuh orang ahli bekerja sepenuh masa dengan purata pendapatan sebanyak RM1,600 sebulan. Manakala dua orang bekerja separuh masa dengan purata RM700 sebulan manakala bagi yang bekerja sendiri purata pendapatan bulanan adalah sebanyak RM810 (melibatkan 12 orang). Pemerikasaan ekonomi yang dilaksanakan melalui Projek MASA@Sungai Nibong dijalankan melalui pendekatan holistik yang merangkumi aspek kerohanian, sosial, psikososial dan ekonomi secara bersepadu. Pendekatan ini melibatkan pemantauan secara berkala oleh pegawai seranta, latihan keusahawanan yang berterusan, sokongan berbentuk psikososial serta sesi-sesi pemantapan diri yang dijalankan dalam bentuk aktiviti berjadual dan sistematik.

Dari aspek pembangunan jiwa, Ahli MASA@Sungai Nibong dilibatkan secara langsung dalam pelbagai program pembangunan kerohanian seperti Kelas Mengaji, Kuliah Agama Mingguan dan Bulanan, Program Qiamullail, Solat Subuh Berjemaah, Kelas Pemantapan Agama, serta Kuliah Fiqh Wanita. Aktiviti-aktiviti ini dapat memperkukuh hubungan ahli dengan nilai-nilai Islam malah telah juga dapat membina disiplin diri, ketahanan diri dan motivasi dalaman untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Ahli MASA@Sungai Nibong menunjukkan perubahan sikap yang lebih positif, keyakinan diri yang meningkat dan kesediaan untuk menerima perubahan dalam kehidupan mereka. Aspek pembangunan jiwa secara menyeluruh ini menjadi asas kepada perubahan yang lebih lestari kerana ia mencetuskan kesedaran tentang peranan diri sebagai hamba Allah SWT dan khalifah di muka bumi ini dan peranan penting untuk mencari nafkah bagi menyara kehidupan berkeluarga. Ini selari dengan dapatan daripada Masitah Idris et al. (2019) yang menyatakan aspek pembangunan jiwa yang merangkumi perasaan, kemahuan dan rohani disamping pembangunan fizikal dan intelektual akan menghasilkan manusia yang beriman, bertanggungjawab dan berkualiti

Manakala dari sudut sosial dan psikososial, Ahli MASA@Sungai Nibong turut terlibat dalam pelbagai program pembangunan insaniah dan komuniti seperti sesi *Neuro-Linguistic Programming* (NLP) yang memperkukuh keupayaan berfikir secara positif dan kemahiran komunikasi. Selain itu, program seperti Dapur MASA@Sungai Nibong memperkukuh semangat kebersamaan dalam komuniti melalui aktiviti memasak secara bergotong royong dan menjaga kebajikan bersama. Projek Pertanian Bandar MASA@Sungai Nibong pula seperti penanaman cendawan tiram membuka peluang kepada ahli yang terpilih untuk menceburi bidang keusahawanan secara kecil-kecilan. Siri Kembara yang

berkonsepkan musafir melatih ahli bekerjasama dan membantu satu sama lain sepanjang pemusafiran. Aktiviti jasmani seperti senamrobik pula membina semangat kerja berpasukan serta kesihatan fizikal dan mental yang menyumbang kepada kesejahteraan keseluruhan.

Satu lagi faktor penting yang menyumbang kepada pemeraksanaan ekonomi ialah lokasi strategik Projek MASA@Sungai Nibong yang terletak di kawasan strategik di Pulau Pinang. Lokaliti ini bukan sahaja memberi akses mudah kepada kemudahan pengangkutan, institusi pendidikan, pusat perniagaan dan jaringan sosial bandar malah membuka peluang ekonomi tempatan seperti pekerjaan sambilan, perniagaan kecil, perkhidmatan penghantaran, penjagaan anak dan sebagainya. Keberadaan Ahli MASA@Sungai Nibong di dalam persekitaran bandar yang dinamik ini memberikan potensi peningkatan pendapatan yang lebih tinggi sekiranya mereka diperkasakan dengan kemahiran, sokongan dan motivasi yang mencukupi. Buktinya, di Fasa 2 projek ini, dua (2) orang Ahli MASA@Sungai Nibong telah mengambil peluang untuk menjadi pembantu di pusat penjagaan orang tua yang berhampiran dengan lokasi projek ini seterusnya melonjak pendapatan mereka dari hanya RM200-RM300 sebulan ke RM1,500 sebulan. Peluang lokaliti ini menjadi pemangkin penting dalam mempercepatkan proses keluar daripada kemiskinan. Selain itu, sejauh mana ahli mampu menyesuaikan diri serta merebut peluang di sekeliling mereka juga menyumbang kepada peningkatan pendapatan tersebut.

Gabungan semua aktiviti ini membuktikan bahawa proses pemeraksanaan ekonomi yang berkesan tidak berlaku dalam ruang kosong tetapi memerlukan sokongan menyeluruh yang menyentuh aspek dalaman dan luaran. Hasilnya, Ahli MASA@Sungai Nibong yang menerima sokongan dalam bentuk holistik ini mampu membina keyakinan dan daya tahan yang lebih tinggi untuk meneroka potensi ekonomi masing-masing sekali gus keluar daripada kitaran kemiskinan bandar.

#### *Inisiatif Keusahawanan dengan Pemantauan Jangka Panjang*

Sebanyak tujuh orang Ahli MASA@Sungai Nibong menunjukkan penglibatan aktif dalam aktiviti keusahawanan mikro. Di antara mereka ini ada yang bermula dari sifar pendapatan tetapi akhirnya berjaya memperoleh pendapatan sekitar RM300 hingga RM700 sebulan. Inisiatif keusahawanan ini tidak dilaksanakan sekali sahaja atau 'one-off' sebaliknya disertai dengan pemantauan jangka panjang, bimbingan berterusan dan sokongan strategik melalui kerjasama pelbagai agensi pembangunan usahawan.

Beberapa program utama yang menyumbang kepada pembentukan usahawan dalam kalangan Ahli MASA@Sungai Nibong termasuk Program Keusahawanan bersama MARA Pulau Pinang yang memberikan pendedahan asas kepada model perniagaan kecil. Selain itu, ahli wanita (samada bertaraf KIR mahupun PKIR) turut mendapat manfaat daripada Program Bimbingan Usahawan Wanita anjuran Penang Women's Development Corporation (PWDC) yang menumpukan kepada aspek perniagaan dari rumah, pengurusan masa dan keseimbangan peranan jantina. Bagi memperkukuh kemahiran teknikal, ahli juga menyertai kursus kemahiran berkaitan fotografi yang dikendalikan oleh GiatMARA Bukit Gelugor dan Bukit Bendera serta kursus kemahiran urutan yang dilaksanakan melalui kerjasama dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM) Pulau Pinang. Sebagai tambahan, ISDEV USM turut menganjurkan kursus pemasaran kepada ahli yang memberi fokus kepada asas pemasaran digital, promosi produk serta penggunaan media sosial sebagai medium pemasaran moden.

Pendekatan pelbagai saluran ini telah memberikan Ahli MASA@Sungai Nibong lebih banyak pilihan serta menyesuaikan latihan dengan minat dan kebolehan masing-masing. Selain daripada latihan, ahli turut dibimbing untuk memohon dan mengurus sumber kewangan luar bagi tujuan pengembangan perniagaan. Antara kejayaan ketara yang direkodkan ialah seramai empat orang Ahli MASA@Sungai Nibong yang punca pendapatan adalah menerusi perniagaan berjaya menerima geran perniagaan sebanyak RM5,000 setiap seorang daripada Program Bangkit anjuran Sadaqa House dan Bank Islam Malaysia Berhad serta tambahan RM1,000 setiap seorang daripada Yayasan Aafiyat. Sokongan kewangan ini dimanfaatkan untuk pembelian peralatan asas perniagaan, pengurusan inventori dan memperluaskan rangkaian pelanggan.

Kejayaan Ahli MASA@Sungai Nibong ini tidak terhasil dalam tempoh singkat, tetapi merangkumi pendekatan sokongan menyeluruh termasuk latihan kemahiran, pengukuhan mental, <https://doi.org/10.37231/jimk.2025.26.2.937>

sokongan moral dan pemantauan yang konsisten. Pendekatan sokongan menyeluruh dan pemantauan jangka panjang merupakan aspek yang penting bagi kejayaan ini. Ini disokong oleh kajian dari Nooh (2025) yang menyatakan antara elemen penting kejayaan pemeraksanaan asnaf melalui perniagaan oleh institusi zakat adalah pemantauan dan sokongan jangka panjang. Walaubagaimanapun, kebanyakan institusi zakat menghadapi cabaran untuk memberikan elemen ini kepada usahawan asnaf (Nooh, 2025). Justeru, kejayaan projek ini menunjukkan inisiatif keusahawanan yang diperkasakan dengan pemantauan jangka panjang terbukti sebagai salah satu strategi ampuh dalam mengangkat komuniti miskin bandar daripada kebergantungan kepada bantuan dan dapat berdikari secara beransur-ansur.

#### *Peranan Pasangan Ketua Isi Rumah sebagai Ejen Ekonomi Baharu*

Seramai tiga orang PKIR telah menunjukkan transformasi ketara dalam menjana pendapatan isi rumah. Mereka mencatatkan purata peningkatan pendapatan sebanyak RM1,500 sebulan iaitu melebihi PKIR yang lain. Kejayaan tiga orang PKIR ini menonjolkan pentingnya memperluas fokus intervensi kepada bukan sahaja ketua isi rumah lelaki tetapi juga kepada pasangan mereka yang dalam konteks ini majoritinya adalah wanita. Fenomena ini mencerminkan potensi besar wanita dalam komuniti asnaf untuk menjadi ejen ekonomi baharu sekiranya diberi sokongan yang bersesuaian. Peranan ini merangkumi aspek menjana pendapatan, mengurus kewangan keluarga dan menyumbang kepada keseimbangan beban ekonomi domestik. Dapatan ini selari dengan dapatan oleh Omar dan Jaafar (2024) yang mendapati proses pembedaan telah mengubah peranan wanita dari fungsi domestik kepada penyumbang ekonomi keluarga.

Menurut Ahmad et al.(2016) pemeraksanaan wanita B40 melalui latihan, motivasi dan peluang menjana pendapatan mampu menggandakan ketahanan ekonomi rumah tangga serta mengurangkan risiko kemiskinan tegar. Kajian oleh Suhaimi (2021) juga mendapati instrumen wakaf dan zakat mampu membantu pembangunan wanita di Malaysia dan menjadi sumber ekonomi baru buat Malaysia. Wanita B40 berjaya meningkatkan pendapatan keluarga melalui pekerjaan makan gaji dan perniagaan bukan sahaja menjadi ejen ekonomi baharu buat keluarga malah menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri dan negara. Dalam kerangka Islam, penglibatan pasangan sebagai rakan strategik dalam pembangunan keluarga sejajar dengan semangat ta'awun (kerjasama dan saling membantu) dan takaful al-ijtimai' (jaminan sosial dalam masyarakat) yang menyeru kepada perkongsian peranan secara adil dan bersepadu dalam institusi keluarga. Maka itu, pendekatan pembangunan masa depan perlu melibatkan pasangan secara aktif, bukan hanya sebagai penyokong tetapi juga sebagai peneraju perubahan ekonomi.

#### *Pengurangan Kebergantungan kepada Bantuan*

Salah satu matlamat penting dalam pemeraksanaan komuniti miskin bandar ialah membebaskan ahli MASA@Sungai Nibong secara beransur-ansur daripada kebergantungan terhadap bantuan luaran terutama bantuan kewangan berterusan. Projek MASA@Sungai Nibong telah menekankan pendekatan 'Rasa Bertuhan' dan 'Rasa Kehambaan' dengan menyalurkan bantuan selari dengan intervensi secara bersyarat dan progresif. Hasil pendekatan ini dapatan kajian menunjukkan bahawa berlaku pengurangan signifikan dalam kalangan ahli yang sebelum ini bergantung sepenuhnya kepada bantuan sewaan dan tunai.

Seramai 11 orang Ahli MASA@Sungai Nibong dalam kalangan KIR dan PKIR berjaya menunjukkan perubahan pendapatan sama ada dalam kategori makan gaji atau bekerja sendiri daripada pendapatan sifar kepada jumlah positif dalam tempoh kajian sekaligus menunjukkan potensi penurunan kebergantungan. Lebih membanggakan, sebanyak 11 buah keluarga, mewakili 64% daripada keseluruhan 17 KIR Projek MASA@Sungai Nibong, telah menyatakan kesediaan untuk membayar sewaan penuh unit Pangsapuri Wakaf yang mereka diami tanpa lagi menerima bantuan sewaan daripada Zakat MAINPP selepas projek ini tamat pada 31 Disember 2025. Pencapaian ini merupakan hasil daripada intervensi menyeluruh yang dirancang dan dilaksanakan secara berfasa, dipantau secara dekat oleh Pegawai Seranta, diterajui oleh Ketua Penyelidik Projek MASA serta disokong dengan kepakaran akademik dan komitmen tinggi daripada semua ahli akademik di ISDEV USM yang terlibat. Kerjasama erat pelbagai pihak ini telah menjadi pemangkin kepada keberhasilan

dan impak lestari Projek MASA@Sungai Nibong.

Penurunan kebergantungan ini turut dicapai melalui pembinaan nilai berdikari dalam kalangan Ahli MASA@Sungai Nibong melalui pembangunan jiwa dengan penekanan kepada sahsiah setiap ahli. Aktiviti yang menjurus kepada pembangunan jiwa seperti kuliah agama, kelas mengaji dan program qiamullail, membina keyakinan diri serta meningkatkan kesedaran kebertanggungjawaban terhadap keluarga. Sementara itu, latihan keusahawanan dan kemahiran secara praktikal pula membekalkan ahli dengan kemampuan menjana pendapatan sendiri, sekali gus membentuk mentaliti untuk lebih aktif berbanding bersikap secara pasif. Dapatan ini selari dengan dapatan oleh Sarif et al. (2024) yang mendapati pemberian zakat yang berbentuk latihan, geran keusahawanan dan sokongan berkala lebih efektif berbanding pemberian zakat secara one-off dalam menambahbaik sosioekonomi asnaf.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa pengurangan kebergantungan ini bukan sahaja indikator kejayaan ekonomi, tetapi juga pencapaian sosial dan psikologi yang penting. Ia menandakan berlakunya peralihan daripada penerima pasif kepada individu yang mempunyai daya usaha, maruah dan orientasi kehidupan yang lebih mandiri.

### *Model Transformasi Asnaf Holistik*

Berdasarkan dapatan dan analisis dokumen rasmi Projek MASA@Sungai Nibong, empat tema utama telah ditemui iaitu pemerksaan ekonomi yang holistik, inisiatif keusahawanan jangka panjang, pengurangan kebergantungan kepada bantuan dan peranan PKIR sebagai ejen ekonomi baharu telah dikenal pasti. Melalui empat tema ini, lima komponen utama untuk model transformasi ini dapat dikeluarkan. Lima komponen tersebut adalah:

#### *I. Pemilihan Sasaran Strategik*

Memilih komuniti asnaf untuk tinggal di lokaliti berpusat dan berpotensi tinggi, khususnya di kawasan bandar, yang memiliki akses kepada infrastruktur asas, peluang ekonomi dan kemudahan pendidikan, agar proses intervensi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan inklusif dan asnaf yang berjaya dipilih memasuki perjanjian sewaan dengan syarat dan terma, antara lain, dimasukkan tentang kesediaan memberi komitmen mengikuti program dan aktiviti yang dianjurkan serta bersetuju memberi maklumat yang diperlukan secara berkala.

Projek MASA@Sungai Nibong telah melibatkan institusi seperti Wakaf MAINPP dan JAWHAR. Institusi ini telah menyediakan wakaf kediaman yang mempunyai lokaliti yang strategik seterusnya berpotensi untuk memberikan peluang pekerjaan yang peluang perniagaan kepada ahli projek ini. Kajian oleh Rashid et al. (2022) mendapati bahawa tanah wakaf di Malaysia berpotensi untuk dibangunkan sebagai wakaf kediaman yang bagi membantu golongan asnaf memiliki kediaman seterusnya membangunkan sosioekonomi mereka. Oleh yang demikian, pemilihan sasaran strategik merupakan komponen pertama dan komponen yang penting bagi model ini.

#### *II. Intervensi Holistik Berfasa*

Melaksanakan pendekatan pembangunan komuniti secara berfasa yang merangkumi bimbingan kerohanian, pembangunan jiwa, motivasi, dan keusahawanan. Aktiviti dilaksanakan secara berterusan dengan penyertaan menyeluruh, tidak hanya tertumpu pada aspek ekonomi semata-mata.

#### *III. Pendekatan Kekeluargaan dan Komuniti*

Pendekatan ini menekankan kepentingan menyantuni Ahli MASA@Sungai Nibong secara menyeluruh termasuk ahli keluarga mereka, khususnya melibatkan PKIR sebagai ejen ekonomi baharu dalam keluarga. Ini membolehkan pemerksaan dilaksanakan dalam suasana sokongan keluarga yang stabil.

#### *IV. Akses kepada Peluang dan Sumber*


Memberikan akses kepada latihan kemahiran, bimbingan keusahawanan, jaringan pasaran dan

peluang bantuan geran kecil. Ini termasuk kerjasama dengan agensi luar seperti MARA, GiatMARA, ICU JPM, PWDC, institusi zakat, dan universiti. Akses ini membantu Ahli MASA@Sungai Nibong membina kapasiti ekonomi secara berdikari.

V. Sokongan Berterusan dan Penilaian Empati

Aspek yang kritikal dalam pembangunan komuniti ialah bimbingan tidak cukup sekadar kursus secara *one-off*. Perlu ada tindak lanjut atau *follow-up*, pemerhatian, dan sesi *one-to-one* berbentuk *tarbiyyah* yang bersifat empati bagi memahami faktor luaran yang mempengaruhi motivasi dan dalaman Ahli MASA@Sungai Nibong. Kaedah ini membolehkan transformasi yang lebih berakar umbi dan lestari.

Kelima-lima komponen ini disusun dan digabungkan dalam sebuah model yang dinamakan Model Transformasi Asnaf Holistik atau MOD.T.A.H. Model tersebut adalah sebagaimana terdapat pada Rajah 4.



Rajah 4: Model Transformasi Asnaf Holistik (MOD.T.A.H)

Rajah 4 menunjukkan Model Transformasi Asnaf Holistik (MOD. T.A.H) yang merangkumi lima komponen yang telah dikeluarkan hasil dari kajian ini. Model ini bermula dengan perkara asas iaitu kerjasama antara pemegang taruh, pemberi dana dan pelaksana yang menjadi pihak yang paling penting bagi menjayakan model ini. Projek MASA@Sungai Nibong ini telah dijayakan hasil kerjasama pihak MAINPP, Zakat MAINPP, Wakaf MAINPP dan ISDEV USM.

Selepas kerjasama erat antara pemegang taruh, pemberi dana dan pelaksana berjaya, maka komponen pertama adalah pemilihan sasaran strategik. Komponen ini diletakkan terlebih dahulu kerana berdasarkan pengalaman Projek MASA@Sungai Nibong, penempatan berpusat itu membolehkan pelbagai program dijalankan terhadap ahli projek dan paling penting pemantuan berkala dan kerap serta tindakan intervensi yang diperlukan boleh dilaksanakan dengan kadar segera. Penempatan berpusat merupakan komponen utama dan teras dalam MOD.T.A.H. Empat komponen lain diletakkan secara bersama kerana keempat-empat komponen ini berjalan dengan serentak di mana intervensi holistik secara berfasa itu dijalankan seiring dengan pendekatan kekeluargaan dan komuniti, akses kepada peluang dan sumber serta sokongan berterusan dan penilaian empati. Empat komponen ini penting bagi memastikan kejayaan untuk sesuatu program transformasi asnaf.

Menerusi model ini Projek MASA@Sungai Nibong berjaya menghasilkan individu yang lebih cakna akan kedudukan imannya dan lebih proaktif untuk mengubah status sosioekonomi keluarganya. Setelah melalui MOD.T.A.H, projek berjaya membawa ahli untuk keluar dari kebergantungan kepada zakat dan bantuan lain dan pada masa yang sama ahli berusaha untuk menjadi seorang yang lebih beriman, meningkatkan daya tahan mereka, memperkukuhkan institusi kekeluargaan dan membina

komuniti Islam yang berukhuwwah dengan baik sesama sendiri. Dengan adanya transformasi sebegini, digabungkan dengan meletakkan sasaran untuk menjadi pembayar zakat dan menyumbang kembali kepada institusi pembangunan Islam seperti institusi zakat dan wakaf serta membantu asnaf yang lain untuk berjaya menunjukkan transformasi yang holistik yang tidak hanya memfokuskan kepada transformasi ekonomi semata-mata tetapi transformasi aspek-aspek lain juga turut terlibat.

## Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa pendekatan pembangunan komuniti miskin bandar yang bersifat holistik dan berfasa seperti yang dilaksanakan dalam Projek MASA@Sungai Nibong membuka ruang pengurusan kemiskinan yang boleh membawa perubahan yang signifikan terhadap kehidupan miskin bandar. Empat tema utama telah dapat dikenalpasti iaitu pemeraksanaan ekonomi melalui pendekatan holistik, inisiatif keusahawanan dengan pemantauan jangka panjang, pengurangan kebergantungan kepada bantuan; dan peranan PKIR sebagai ejen ekonomi baharu. Berdasarkan dapatan ini, satu model pembangunan komuniti MOD.T.A.H dapat dibangunkan. MOD.T.A.H terdiri daripada lima komponen utama iaitu pemilihan sasaran strategik dengan memilih lokaliti seperti pangsapuri wakaf yang mempunyai pelbagai kemudahan serta kesediaan komuniti untuk berubah. Kedua, intervensi holistik berfasa merangkumi aspek pembangunan insaniah, sosial, motivasi dan ekonomi yang dilaksanakan secara berperingkat dan sistematik. Ketiga, pendekatan kekeluargaan dan komuniti yang melibatkan KIR dan PKIR secara aktif dalam program latihan dan keusahawanan. Keempat, akses kepada peluang dan sumber seperti latihan kemahiran, bantuan perniagaan dan jaringan sokongan ekonomi dan yang terakhir dan paling utama adalah sokongan berterusan serta penilaian empati melalui sesi one-to-one, pemerhatian dan tarbiyyah yang mampu memahami faktor luaran serta mempengaruhi potensi dalaman Ahli MASA@Sungai Nibong. MOD.T.A.H ini mencadangkan kerjasama rentas agensi dan pemantauan berstruktur sebagai asas replikasi ke kawasan lain serta sebagai pendekatan baharu dalam usaha mengurus kemiskinan di Malaysia secara lebih mampan dan berkesan yang sejajar dengan prinsip-prinsip Islam.

## Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Zakat MAINPP atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan dalam merealisasikan pelaksanaan Projek MASA@Sungai Nibong. Komitmen berterusan pihak Zakat MAINPP bukan sahaja membolehkan program ini dilaksanakan dengan tersusun malah telah membuka ruang dan peluang kepada para asnaf untuk membina semula kehidupan dengan lebih berdaya saing. Keprihatinan dan pelaburan sosial yang digerakkan oleh Zakat MAINPP telah menjadi asas kukuh dalam mencorak perubahan sebenar dalam kehidupan komuniti yang dibantu.

## Rujukan

- Ali, A. K., & Asfaw, D. M. (2023). Nexus between inflation, income inequality, and economic growth in Ethiopia. *PloS One*, 18(11), e0294454. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0294454>.
- Abidin, A. Z. (2009). Kajian kemasyarakatan dan ketamadunan menurut perspektif usuluddin: Tumpuan analitis terhadap Muqadimah Ibn Khaldun. In A. Baharuddin, Z. Ahmad, N. Deuraseh, S. R. Ismail, & H. Abdullah (Eds.), *Ibn Khaldun: Pemikiran Ibn Khaldun & Relevansinya dalam Tamadun Kontemporari* (2nd ed., pp. 137–143). Pusat Dialog Peradaban.
- Ahmad, A., Ghani, M. A., Utara, U., & Utara, U. (2016). *Meneroka Program-Program Pengupayaan Kegiatan Ekonomi Wanita*. 2016.
- Ayub, M. N. (2013). Konsep tamadun Islam. In M. N. Ayub, A. Y. A. Bakar, & Z. Mustafa (Eds.), *Pengenalan Tamadun dan Pemikiran Islam Kontemporari* (3rd ed., pp. 1–51). Universiti Teknologi MARA.
- Candiracci, S., & Syrjänen, R. (2007). *UN-HABITAT and Kenya Slum Upgrading Programme (KENSUP)*. UN-Habitat. <https://unhabitat.org/un-habitat-and-kenya-slum-upgrading-programme-kensup>.

- Combes, P.-P., Nakamura, S., Roberts, M., & Stewart, B. (2022). Estimating Urban Poverty Consistently Across Countries. In *Estimating Urban Poverty Consistently Across Countries*. <https://doi.org/10.1596/37698>.
- Haq, M. Ul. (1976). *The Poverty Curtain: Choices For The Third World*. New York: Columbia University Press.
- Jasni, M. A., Omar, N., Ah, S. H. A. B., & Nasir, N. C. M. (2021). Penerokaan Impak Kemiskinan Dan Daya Ketahananlandangan Bekas Banduan Dalam Menghadapi Kehidupan Jalanan Menurut Perspektif Rutter Dan Luthar. *Sarjana*, 36(2), 25–47.
- Kaiser, Z. R. M. A., Sakil, A. H., Baikady, R., Deb, A., & Hossain, M. T. (2025). Building resilience in urban slums: exploring urban poverty and policy responses amid crises. *Discover Global Society*, 3(1). <https://doi.org/10.1007/s44282-025-00142-3>.
- Khazanah Research Institute. (2023). *Kesejahteraan kediaman golongan miskin bandar kajian Program Perumahan Rakyat (PPR)*. [https://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Laporan KRI\\_Kesejahteraan Kediaman Golongan Miskin Bandar.pdf](https://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Laporan_KRI_Kesejahteraan_Kediaman_Golongan_Miskin_Bandar.pdf).
- Krippendorff, K. (2019). *Content analysis*. SAGE Publications, Inc., <https://doi.org/10.4135/9781071878781>.
- Lee, Y., & Han, S. (2024). Exploring urban housing disadvantages and economic struggles in Seoul, South Korea. *Npj Urban Sustainability*, 4(1). <https://doi.org/10.1038/s42949-024-00158-9>.
- Majid, A. H. A., Maamor, S., Zainal, H., Halim, R. A. C., Yusoff, M. F., Abdullah, N. S. N., & Yusof, R. M. (2024). The Ummah Economic Development Zone: An Innovative Community Development Initiative by Lembaga Zakat Negeri Kedah. *Paper Asia*, 40(6), 331–339. <https://doi.org/10.59953/paperasia.v40i6b.293>.
- Masitah Idris, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Ahmad Sunawari Long, & Nozira Salleh. (2019). Pembangunan Modal Insan (PMI) Dari Perspektif Islam. *Journal of Management and Operation Research*, 1(2), 1–12.
- Meerangani, K. A., & Hamid, M. F. A. (2021). *Keberkesanan Model Transformasi Usahawan Asnaf Oleh Lembaga Zakat Selangor* (M. I. Rosele, M. N. S. Johari, & M. N. Paizin (eds.); Issue June). Akademi Zakat (AZKA-PPZ).
- Miyamoto, J., & Buckman, S. (2022). Rio de Janeiro's attempt at Favela urban upgrading: Analysis of the Favela-Bairro programme three decades later. *Cidades*, 45(December 2022), 161–180. <https://doi.org/10.15847/cct.25913>
- Mohamad Zaki, M. M., & Ab Rahman, A. (2019). Pengurusan Agihan Zakat Pendidikan: Kajian di Zakat Pulau Pinang (ZPP). *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2), 141–184. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol0no0.279>.
- Mohd Shukri Hanapi, & Suhaimy, K. A. M. (2020). Pembangunan komuniti Islam Ban Nua, Hatyai, Thailand. In K. A. M. Suhaimy, S. R. A. Nordin, H. Othman, & M. H. Sabtu (Eds.), *Matlamat tidak menghalalkan cara: Integriti* (pp. 36–47). Penerbit UTHM.
- Nasib, R., Lukman, K. A., Deligannu, P., Ali, N., Rahim, N. B. A., Rahim, M. M. A., & Leong, N. L. B. (2023). Poverty and Depression among the Urban Poor in Malaysia: A Narrative Review. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 19(11), 235–239.
- Nawi, A., Yusof, M. R., Bukhari, N., Mohd Nasir, M. A., Mat Yusoff, M. Y., Abd Rahman, M. A., & Azhar, A. (2023). Kajian Tinjauan Program Food Bank Di Negeri Kedah [ A Study On The Food Bank Program In The State Of Kedah]. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 24(1), 27–38. <https://doi.org/10.37231/jimk.2023.24.1.769>.
- Nooh, M. N. (2025). Peranan Zakat dalam Membantu Asnaf Menjalankan Perniagaan di Malaysia : Satu Tinjauan Literatur Kritikal. 15(1), 20–37.
- Nurul 'Iffah M A Zaaba, & Rusni Hassan. (2021). A Systematic Literature Review on Zakat. *Journal of Islamic Finance*, 10(2), 101–111. <https://doi.org/10.31436/jif.v10i2.600>.
- Nor Azrul, M. Z., & Noordeyana, T. (2018). Faktor Kemiskinan Bandar terhadap Pembangunan Pendidikan Golongan Lewat Kembang. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3), 119–130.
- Omar, N. I. K. H., & Jaafar, J. R. (2024). Pemandaran, Perubahan Sosial dan Peningkatan Peranan Wanita sebagai Penjana Pendapatan Keluarga. *Akademika*, 94(2), 1–21. <https://doi.org/10.17576/akad-2024-9402-01>
- Rashid, F. D., Yaakob, R., Md Lateh, H., & Nik Ruslan, N. I. (2022). Penelitian Terhadap Wakaf Kediaman dan Pendidikan di Malaysia Menerusi Komperatif Negara Terpilih [Research on Residential and Education Endowment in Malaysia through Comparative Selected Countries]. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3), 40–57. <https://doi.org/10.37231/jimk.2022.23.3.696>
- Sarif, S., Ali, N. A., & Kamri, N. 'Azzah. (2024). Zakat for generating sustainable income: an emerging mechanism of productive distribution. *Cogent Business and Management*, 11(1).

- <https://doi.org/10.1080/23311975.2024.2312598>
- Suhaimi, F. M. (2021). Sumbangan Wakaf dalam Membantu Pembangunan Wanita di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(2), 100–108. <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/590><https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/download/590/436>
- Sen, A. (1981). *Poverty And Famines: An Essay On Entitlement And Deprivation*. Oxford: Clarendon Press.
- S.Gopal, Parthiban & Rahman, Muhammad & Malek, Nor & Jamir Singh, Paramjit Singh & Law, Chee Hong. (2021). Kemiskinan Adalah Satu Fenomena Multidimensi: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities (Mjssh)*. 6. 40-51. [10.47405/Mjssh.V6i1.608](https://doi.org/10.47405/Mjssh.V6i1.608).
- Sulong, M. S., Zainol, N. Z. N., Abdul Khalim, M., Wan Zahari, W. A. M., & Mohamad Malom, A. Z. (2025). The Transformation Process For Empowering Asnaf through Zakat Fund Distribution In The State Of Johor, Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 11(1), 1–13. <https://doi.org/10.24191/jcis.v11i1.4>.
- Un-Habitat. (2007). Un-Habitat And The Kenya Slum Upgrading Programme For Further Information Please Contact : In *Journal Of Urban Health* (Vol. 32, Issue 7). <https://Unhabitat.Org/Books/Un-Habitat-And-Kenya-Slum-Upgrading-Programme> [Kensup/%0ahttp://www.Chs.Ubc.Ca/Archives/Files/Slum-Improvement-Dhaka.Pdf](http://www.Chs.Ubc.Ca/Archives/Files/Slum-Improvement-Dhaka.Pdf)[Pdf%0ahttp:// Pkdas.Com/Pdfs/Nationalconsultation-Slums.Pdf](http://Pkdas.Com/Pdfs/Nationalconsultation-Slums.Pdf)<https://Doi.Org/10.1007/S10708-020-10196-2>
- Wan Abd Aziz, W. N. A., Ahmad, F., & Hanif, N. R. (2011). Pembasmian Kemiskinan Bandar ke arah Bandar Inklusif dan Sejahtera: Cabaran Kuala Lumpur. *Journal of Surveying, Construction & Property*, 2(1), 1–18. <https://doi.org/10.22452/jscp.vol2no1.8>.